

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : WANITA DAN KELUARGA

16 MEI 2023

24

Wanita & Keluarga

Selasa, 16 Mei 2023 BH

'Jururawat tuntut pengorbanan luar biasa'

Ketua Pengurusan Kejururawatan HSAAS UPM ajak rakan sejawat usah jemu laksana tanggungjawab

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
btnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keinginan untuk berbakti kepada masyarakat melalui kerjaya sebagai jururawat dapat direalisasikan seorang wanita, sekali gus mampu mengubah nasib diri dan keluarganya pada kehidupan susah tinggal di estet kepada lebih baik.

R Thilakaveni yang kini bertugas sebagai Ketua Pengurusan Kejururawatan, Hospital Sultan

Abdul Aziz Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), juga malu menepis stereotaip pandangan umum bahawa wanita perlu berkahwin pada usia muda.

Beliau berkata, bukan mudah wanita menetap di estet menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan bekerja dalam bidang kesihatan yang dipelopori lelaki.

"Katanya, rata-rata masyarakat India akan mengahwinkan anak perempuan pada usia muda. Saya anak bongsu daripada lima beradik dan semua kakak hanya bersekolah sehingga usia 12 tahun, walaupun mereka pandai dalam pelajaran kerana keadaan keluarga yang susah ke sekolah.

"Melihatkan keadaan itu, saya nekad mengubah kehidupan keluarga serta mengubah persepsi perempuan perlu berkahwin pada usia muda.

"Akhirnya, ia membawahkan ha-



Thilakaveni (dua dari kanan) memeriksa rekod pesakit.

(Foto ihsan Thilakaveni)

sil dan pada 1989 saya berjaya menjadi seorang jururawat. Kini sudah 34 tahun saya menjadi jururawat," katanya yang dibesarkan di estet Sungai Buaya, Banting.

Kerjaya bukan mudah

Mengenang kembali pada awal pembabitannya dalam bidang kejururawatan, katanya, pemimpin pertamanya adalah di Klinik Kesihatan Hulu Langat dengan skop tugasannya menjaga ibu mengandung dan kanak-kanak serta menjaga pasukan sekolah.

"Saya kemudian ditempatkan ke wad pembedahan selama empat tahun dan memulakan perkhidmatan di UPM pada 2002 sehingga kini sebagai matron," katanya.

Akhirnya, ia membawahkan ha-

termasuk sebagai jururawat kerana kerjaya yang dianggap sungguh mulia itu menuntut pengorbanan luar biasa.

Jururawat orang yang kerap berdamping dengan pesakit ibarat pemberi sinar dan harapan baharu untuk mereka yakin pulih seperti sedia kala.

"Malah, kami sanggup berkorban masa dan tenaga dalam kerjaya ini demi tanggungjawab di galas.

"Saya pilih menjadi jururawat, jadi perlu menghayati tugas ini tanpa mengeluh, walaupun kerja ini sangat sibuk dan kurang masa bersama keluarga," katanya.

Ibu kepada tiga cahaya mata itu berkata, kerjayanya paling getir sepanjang dua tahun negara berdepan dengan pandemik COVID-19 pada 2020.

Ketika itu, selain pesakit, jumlah doktor dan jururawat dijangkiti semakin ramai dan keadaan menguruskannya pandemik itu akan dingati sampai bila-bila.

"Bagaimanapun, saya sama sekali tidak menyesal memilih kerjaya ini kerana di sebalik tekanan serta pengorbanan, ilmu pengetahuan dan pengalaman diperoleh sesuatu yang tidak ter nilai.

"Kesabaran kunci utama kepada setiap jururawat.

"Pesanan saya kepada semua jururawat, kita perlu buat sebaik mungkin untuk pesakit, cintakan pekerjaan ini dan jalankan tanggungjawab dengan sebaiknya."

"Perasaan ketika menjaga pesakit perlu sama kerana mereka juga adalah keluarga kita," katanya.

16 MEI 2023

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Sabah rekod tiga kes strok haba

Kota Kinabalu: Sabah merekodkan tiga kes strok haba termasuk pelajar bagi tempoh 15 April sehingga Jumaat lalu berikutan cuaca panas yang melanda ketika ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Dr Rose Nani Mudin berkata, kes pertama membabitkan pelajar lelaki berusia 18 tahun yang dimasukkan ke wad pada 15 April lalu dan dibenarkan balik tiga hari kemudian.

"Bagi kes kedua, pesakit adalah seorang murid lelaki berusia sembilan tahun yang dimasukkan ke wad pada 30 April lalu dan dibenarkan keluar pada 2 Mei.

"Kes ketiga pula ialah seorang wanita berusia 27 tahun yang bekerja sendiri dan menerima rawatan sebagai pesakit luar pada 29 April lalu. Ketiga-tiga pesakit sudah sembuh sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, cuaca panas melampau boleh menyebabkan seseorang individu kerap berpeluh dan menyebabkan cecair dalam badan berkurangan.

Katanya, antara gejalanya ialah badan terasa kering dan panas, denyutan jantung menjadi cepat, pening dan mual selain boleh

mengakibatkan sawan atau pengsan.

"Kanak-kanak dan warga tua adalah golongan paling berisiko mendapat masalah kesihatan akibat cuaca panas," katanya.

Berikut itu, katanya, JKNS menyarankan beberapa langkah seperti memanggu atau mengehadkan aktiviti lasak seperti berkayak, berbasikal, maraton, mendaki gunung dan aktiviti luar yang lain ketika cuaca panas ini.

"Memendekkan tempoh aktiviti di luar rumah seperti berkebun atau membersihkan lantian rumah atau berehat secara berkala dan minum air kosong yang banyak setiap kali waktu rehat ketika melakukan aktiviti," katanya.

Selain itu, Dr Rose Nani berkata, orang ramai juga disaran meminum air dimasak sekutupnya bagi mengelakkan dehidrasi.

Katanya, orang ramai juga disaran memakai topi atau payung untuk melindungi diri daripada pancahan haba terus ke badan selain tidak duduk dalam kenderaan yang bertutup tanpa pendingin hawa.

"Orang ramai diminta mendapatkan rawatan segera jika mengalami tandanya awal kelesuan dan strok haba," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

KES DENGGI DI JOHOR

Meningkat tahap membimbangkan

Johor Bahru: Kes dengan di negeri ini mencapai tahap sangat membimbangkan apabila ia merekodkan peningkatan 30 peratus minggu lalu, berbanding minggu sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, pada minggu sebelumnya atau Minggu Epid 18/2023 sejumrah 168 kes dengan demam dengan dilaporkan sebelum ia meningkat mendadak sebanyak 218 kes dengan pada minggu lalu atau Minggu Epid ke 19/2023.

Katanya, peningkatan kes demam dengan minggu lalu itu adalah yang tertinggi pernah dilaporkan setakat tahun ini.

Satu kematian berpunca kes demam dengan tutut dilaporkan pada Minggu Epid 19/2023 di Johor.

"Tren peningkatan demam dengan di negeri ini sangat membimbangkan.

"Jumlah kumulatif kes demam dengan di Johor setakat Minggu Epid ke 19/2023 ialah sebanyak 2,917 kes dan ia mencatatkan peningkatan 415 peratus kes berbanding tempoh yang sama tahun lalu dengan hanya sebanyak 566 kes.

"Dari pada jumlah kes yang dilaporkan, sebanyak 1,081 kes (37.1 peratus) dilaporkan dari lo-

kaliti wabak dan 1,836 kes (62.9 peratus) dari lokaliti bukan wabak," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Ling berkata, daerah yang melaporkan kes tertinggi demam dengan adalah Johor Bahru yang menyumbang sebanyak 154 kes, 70.6 peratus dari jumlah kes seluruh kes di negeri ini.

Ia diikuti Kulai (30 kes, 13.8 peratus), Batu Pahat (11 kes, lima peratus), Kluang (lapan kes, 3.7 peratus), Kota Tinggi (empat kes, 1.8 peratus).

"Muar, Tangkak dan Se-

gamat masing-masing (ti-

ga kes, 1.4 peratus) ma-

nakala, Pontian dan Mer-

sing masing-masing (satu

kes, 0.5 peratus).

"Daerah yang melapor-

kan peningkatan kes pada

Minggu Epid 19/2023 ber-

banding Minggu 18/2023

adalah Johor Bahru, Kulai,

Batu Pahat, Kota Tinggi

dan Tangkak," katanya.

Ling berkata, aktiviti pemusnahan tempat pembiakan (PTP) kini

giat dijalankan oleh ang-

gota kesihatan membabitkan di dalam dan luar

rumah.

"Penemuan tempat

pembiahan serta tempat

berisiko pembiahan di

dalam rumah menunjukkan

masyarakat masih lagi be-

lum peka kepada keper-

luan pembersihan dan pe-

musnahan tempat berisi-

ko untuk pembiahan ny-

muk Aedes," katanya.

Tren peningkatan demam dengan di negeri ini sangat membimbangkan

Ling Tian Soon

16 MEI 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NEGERI

218 kes denggi dilaporkan di Johor, tertinggi dalam tahun ini

JOHOR BAHRU-
Sebanyak 218 kes demam denggi dilaporkan di negeri ini pada Minggu Epid 19/2023, jumlah tertinggi yang pernah direkodkan setakat ini bagi tahun 2023.

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata jumlah itu disifatkan sebagai membimbangkan dengan peningkatan 30 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Satu kematian berpunca kes demam denggi turut dilaporkan pada Minggu Epid 19/2023 di negeri ini."

"Jumlah kumulatif kes demam denggi setakat Minggu Epid 19/2023 ialah sebanyak 2,917 kes dan ia mencatatkan peningkatan 415 peratus kes berbanding tempoh sama tahun lalu dengan hanya sebanyak 566 kes."

"Daripada jumlah kes yang dilaporkan, sebanyak 1,081 kes (37.1 peratus) dilaporkan dari lokality wabak dan 1,836 kes (62.9 peratus) dari lokality



TIAN SOON

bukan wabak," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Tian Soon berkata, daerah yang melaporkan kes tertinggi demam denggi ialah Johor Bahru sebanyak 154 kes dengan 70.6 peratus.

Ia diikuti Kulai (30 kes, 13.8 peratus), Batu Pahat (11 kes, lima peratus), Kluang (lapan kes, 3.7 peratus), Kota Tinggi (empat kes, 1.8 peratus).

"Muar, Tangkak dan Segamat masing-masing (tiga kes, 1.4 peratus) manakala, Pontian dan Mersing masing-masing (satu kes, 0.5 peratus).

"Daerah yang melaporkan peningkatan kes pada Minggu Epid 19/2023 berbanding Minggu 18/2023 adalah Johor Bahru, Kulai, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Tangkak," katanya.

Tian Soon berkata, aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan telah mengeluarkan sebanyak 2,385 kompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM1.14 juta ditawarkan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : GAYA

16 MEI 2023



JASA dan peranan jururawat terus diiktiraf menerusi penganugerahan tiga Tokoh Jururawat 2023 baru-baru ini.

Dunia kejururawatan makin mencabar

Oleh ROSALINDA MD. SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

GELARAN tulang belakang di samping jantung sistem kesihatan negara sudah cukup untuk menggambarkan betapa pentingnya peranan jururawat.

Populasi terbesar dalam sektor kesihatan itu tidak hanya memberikan perkhidmatan rawatan, malah sokongan emosi dan mental kepada pesakit serta keluarga.

Buktinya, mereka sanggup berjuang habis-habisan di barisan hadapan demi menyelamatkan pesakit ketika negara dilanda jangkitan Covid-19 lalu.

Di sebalik komitmen tinggi diberikan, hakikatnya kerjaya sebagai jururawat makin mencabar, seiring perubahan zaman dan teknologi.

Koordinator Pengajian Pasca Ijazah KJP Healthcare University, Prof. Dr. Aini Ahmad berkata, golongan itu perlu sentiasa memperkasakan ilmu dan kemahiran mereka bagi memastikan amanah terus digalas dengan penuh bertanggungjawab.

Katanya, inisiatif pembelajaran berterusan dan pengkhususkan kapakaran dapat meningkatkan lagi kecekapan serta produktiviti jururawat.

"Teknologi dan rawatan kesihatan bertambah moden, oleh itu jururawat perlu sentiasa berpengetahuan kerana peranan mereka bukan sekadar pembantu doktor.



LUKANISMAN Awang Sauni (tengah) merasmikan Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) di Shah Alam baru-baru ini.

"Umum mengetahui bidang kejururawatan dipandang tinggi di seluruh dunia, justeru saya berharap para jururawat di samping penuntut dapat tertutup memperkasakan ilmu, kemahiran serta komuniti mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau ditemui selepas Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2023 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) di Shah Alam baru-baru ini.

Aini berkata, walaupun jururawat dikenali sebagai antara pekerjaan paling stres di dunia, tetapi cabaran itu boleh diatasi jika seseorang komited

dan ikhlas dalam berkhidmat. Malah, katanya, di sebalik kesibukan kerja, ramai yang berminat menyambung pengajian di peringkat pasca ijazah.

"Ketika ini, saya memiliki masing-masing seramai 14 pelajar doktor falsafah (PhD) dan ijazah sarjana termasuk di luar negara.

"Kadar kebolehpasaran graduan kejururawatan tinggi dan bidang ini masih menjadi pilihan generasi muda," katanya.

Sementara itu, bekas Ketua Pegawai Kejururawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM), Sharipah Asiah Syed Junid Aljunid, 69, berkata, pengkhususan ilmu atau kepakaran penting dalam mengendalikan pesakit dan

penyakit.

"jururawat zaman dahulu hanya menguasai asas penjagaan kesihatan kerana peralatan perubatan tidak banyak berbanding sekarang yang sudah canggih termasuk penggunaan robotik."

"Selain itu, cabaran juga datang dari aspek pesakit kerana mereka dari pelbagai latar ilmu dan kerjaya," katanya.

Dalam pada itu, Lukanisman berkata, jumlah jururawat di seluruh negara kini dianggarkan seramai 165,000 orang.

Beliau tidak menafikan negara berdepan kekurangan jururawat dan memerlukan seramai 7,000 jururawat bagi berkhidmat di sektor awam dan swasta setiap tahun.



16 MEI 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

17 kes terkini strok haba

PETALING JAYA: Sebanyak 17 kes strok haba dicatatkan sehingga kini dengan tiga kes terbaru berlaku di Sabah.

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr. Rose Nani Mudin berkata, kes di Sabah melibatkan seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun, seorang remaja 18 tahun dan wanita 27 tahun.

"Ketiga-tiga pesakit tersebut telah selesai mendapatkan rawatan dan sembah sepenuhnya," katanya semalam.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan melaporkan sejak 12 Mei lalu, terdapat 14 kes disebabkan cuaca panas diterima di seluruh negara.

Katanya, terdapat enam kes dilaporkan berlaku di Kelantan, lima di Sarawak dan tiga di Sabah.

KKM memaklumkan orang dewasa adalah golongan yang paling ramai terkena strok haba iaitu tujuh kes.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukman Awang Suan berkata, dijangka berlaku peringkatan terhadap kes strok haba sehingga Ogos ini.

Katanya, ia susulan ramalan Malaysia dilanda cuaca panas melampau dan berpanjangan terutama pada bulan tersebut.

16 MEI 2023

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Dental appointments can now be made via MySejahtera

PETALING JAYA: Online dental appointments at the Health Ministry's primary healthcare facilities are now available via MySejahtera, says Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

This would improve delivery of service and access to dental clinics while the walk-in option would be maintained, he added.

"Through this initiative, the public can book their dental check-ups and plan their visits to dental facilities," he said in a statement.

Effective yesterday, the expansion of the new MySejahtera Appointment System will offer appointments for outpatient dental services.

The ministry will also introduce an automated reminder function in MySejahtera.

"The public will get a notification to be present at the date and time of their appointment," said Dr Muhammad Radzi.

He said patients would be screened, get consultation and dental treatment on the first appointment.

"Should a follow-up be required, an appointment will be arranged," he added.

However, for emergencies such as toothaches or injuries to face or teeth tissue, the public can go to the nearest dental clinic for medical attention without an appointment.

Dr Muhammad Radzi said the National Health and Morbidity Survey 2019 found that 15% of Malaysians had never gone through a dental screening by a dentist throughout their lifetime, while 50% had not had their teeth checked for more than two years.